



SIARAN MEDIA

PKS terus melangkaui pertumbuhan ekonomi keseluruhan

Kuala Lumpur, 12 Julai 2017 – Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) Ke-22 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak pada hari ini dimaklumkan bahawa pertumbuhan PKS terus melangkaui pertumbuhan ekonomi keseluruhan bagi tahun 2016. Jabatan Perangkaan Malaysia juga membentangkan Banci Ekonomi 2016 yang mendapati bahawa PKS mengatasi pertumbuhan negara dari segi output, input, nilai tambah, guna tenaga, gaji, upah dan aset tetap antara tahun 2010 hingga 2015. Mesyuarat ini dihadiri oleh 16 Menteri.

Banci Ekonomi 2016 menunjukkan bahawa PKS meliputi 98.5% (907,065) daripada jumlah pertumbuhan sebanyak 920,624 pada tahun 2015, berbanding 98.4% (652,495 PKS) pada tahun 2010, mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 6.8%. Kebanyakan PKS di Malaysia merupakan perusahaan mikro yang merangkumi 76.5% daripada jumlah pertumbuhan PKS. Sektor perkhidmatan merupakan sektor terbesar iaitu 89.2% dengan sebahagian besar terdiri daripada perdagangan borong & runcit (51.2%), sementara sektor pembuatan merangkumi 5.3% dari jumlah pertumbuhan PKS.

Dari segi prestasi PKS di Malaysia, KDNK PKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2% pada 2016 (2015: 6.1%) dan terus melangkaui pertumbuhan ekonomi purata kebangsaan iaitu 4.2% pada 2016 (2015: 5.0%). Pertumbuhan KDNK PKS didorong oleh permintaan dalam negeri dan disokong oleh dasar Kerajaan walaupun menghadapi pelbagai cabaran daripada luar dan dalam negeri. Pada tahun 2016, sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan meningkat kepada 36.6% (2015: 36.3%) manakala sumbangan PKS kepada jumlah eksport meningkat kepada 18.6% (2015:

17.7%). Peningkatan ini disokong oleh perbelanjaan dalam negeri dan ketibaan pelancong yang tinggi. Sumbangan guna tenaga PKS pula meningkat kepada 65.3% (2015: 64.5%).

Dari segi taburan PKS mengikut negeri, Selangor mempunyai bilangan PKS tertinggi dengan 179,271 pertubuhan, diikuti 133,703 pertubuhan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor, sebanyak 98,190 pertubuhan. Banci tersebut juga melaporkan bahawa PKS milikan wanita merangkumi 186,930 iaitu 20.6% (Banci Ekonomi 2011: 19.5%) daripada jumlah pertubuhan PKS dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 8.0%. Jumlah output yang dijana oleh PKS milikan wanita bernilai RM69 bilion, yang sebahagian besarnya didorong oleh sektor perkhidmatan.

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak juga memberitahu mengenai perkembangan terkini bagi mengiktiraf peranan PKS di peringkat antarabangsa di mana Perhimpunan Agung Bangsa–Bangsa Bersatu (UNGA) telah mengisytiharkan 27 Jun sebagai “Hari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Antarabangsa”.

Mesyuarat turut membincangkan mengenai langkah bagi meningkatkan digitalisasi PKS, Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NeSR) dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ). Perbincangan juga tertumpu kepada pendekatan baru bagi insolvensi PKS. Pendekatan baru untuk memulakan semula, memulihkan dan membina semula adalah disyorkan untuk meningkatkan dan menyediakan persekitaran yang lebih baik bagi PKS dan memberi peluang kedua kepada para usahawan untuk kembali ke bidang perniagaan.

Sesi ‘Meet & Greet’ dengan PKS dan usahawan muda juga diadakan selepas Mesyuarat yang dihadiri oleh Perdana Menteri bersama ahli-ahli MPPK. Sesi ini menyediakan platform bagi menteri–menteri yang terlibat dengan pembangunan PKS untuk bertemu dengan PKS dan usahawan muda bagi memahami aspirasi serta harapan selain berkongsi kisah kejayaan mereka bertujuan mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih baik.

Sebagai salah satu inisiatif Kerajaan untuk menarik minat golongan belia menceburi bidang keusahawanan, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Suhan Movies &

Trading Sdn Bhd telah menerbitkan 12 episod drama mini bersiri bertajuk "Chor & Chah" yang akan disiarkan menerusi YouTube bermula 1 Ogos 2017. Drama ini mengisahkan perjalanan seorang usahawan muda yang memulakan perniagaan dengan bantuan dan sokongan pelbagai Kementerian dan agensi.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Puan Nor Azian Md Yusof (03-2775 6174 atau emel – azian@smecorp.gov.my); atau Cik Amy Sarah Ahmad Fuad (03-2775 6352 atau emel – amysarah@smecorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORPORATION MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

Laman Sesawang: www.smecorp.gov.my e-mel: info@smecorp.gov.my

SME CORP. MALAYSIA

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.